

**Pelajar UiTM Beri Sambutan Luar Biasa Kepada Perdana Menteri
Bernama
1 Mei, 2013**

SHAH ALAM, 1 Mei (Bernama) -- "PM... PM... PM..." itulah laungan yang mengiringi tepukan gemuruh daripada lebih 20,000 pelajar UiTM sehingga beberapa minit sebagai tanda sokongan padu dan kepercayaan kuat mereka terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

Sambutan luar biasa itu diberikan sejurus beliau tiba pada Perhimpunan Perdana Warga UiTM bersama Perdana Menteri dan Pelancaran Yayasan Destini Anak Bangsa (YDAB), di Padang Kawad, kampus induk UiTM di sini Rabu malam.

Para pelajar yang membanjiri khemah-khemah di padang kawad itu sejak pukul 7 malam itu begitu bersemangat dan teruja berdiri di atas kerusi-kerusi yang disediakan bagi menyaksikan wajah pemimpin kesayangan mereka dengan lebih dekat lagi.

Ia jelas memperlihatkan sokongan dan keyakinan generasi muda terhadap pemimpin berjiwa rakyat yang menerajui negara ini sejak 2009.

Para pelajar juga begitu bertenaga dan memberi tepukan gemuruh setiap kali mendengar nama Perdana Menteri, daripada pengacara majlis mahupun dari tenaga pengurusan UiTM.

Ketika berucap, Najib yang suaranya serak kerana begitu sibuk dengan kempen pilihan raya umum kali ini berkata beliau amat teruja dengan sambutan luar biasa para pelajar UiTM itu.

Sungguhpun begitu, Najib tetap bersemangat dan meneruskan ucapannya hampir 20 minit pada majlis itu yang turut dimeriahkan dengan pertunjukan bunga api.

"Saya berasa amat teruja apabila diberi sambutan yang sungguh hebat dan meriah pada malam ini. Saya minta maaf kerana 'sound system' (suara) saya tak baik, sebab banyak sangat program.

"Sepatutnya saya cakap dengan lantang dan gagah tetapi kerana jalan seluruh negara, ada sedikit break down (suara serak) tetapi tetap bersemangat lihat saudara-saudari yang pakai T-shirt peace, progress, stability, ada yang pakai tiga-tiga sekali.

"Do you want peace? (Anda mahu keamanan?) Do you want stability? (Anda mahu kestabilan?) Do you want progress? (Anda mahu kemajuan?) Do you want Najib? (Anda mahu Najib?)" tanya beliau dan pertanyaan itu dijawab seluruh pelajar itu dengan penuh semangat, "Yes!"

Majlis itu turut disaksikan secara langsung oleh lebih daripada 50,000 warga UiTM di Shah Alam dan semua kampus cawangan UiTM di seluruh negara menerusi WeTV UiTM.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Naib Canselor UiTM Datuk Seri Prof Sahol Hamid Abu Bakar dan Ketua Pegawai Eksekutif YDAB Mohd Aizuddin Mohd Ghazali.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946746>

